

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : 25 MEI 2016

SOALAN :

YB. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-

- (a) garis panduan dan syarat-syarat untuk warga bandar menyertai program "Home Stay", adakah penduduk-penduduk di kawasan bandar raya warisan digalakkan untuk menyertai program ini; dan
- (b) apakah jenis bantuan kewangan yang boleh diberikan kepada pihak yang berminat.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia tidak mempunyai garis panduan bagi penyertaan warga bandar di dalam bandaraya warisan untuk menyertai program Homestay. Ini kerana, Program Pengalaman Homestay Malaysia yang sedia ada adalah program khusus untuk masyarakat luar bandar bagi menggalakkan mereka terlibat di dalam *Community Based Tourism*. Ia juga merupakan satu inisiatif Kerajaan di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar yang bertujuan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat luar bandar dalam sektor pelancongan dan seterusnya membantu menjana ekonomi mereka.

Garis panduan Homestay telahpun diwujudkan di mana ianya mensyaratkan penyertaan minimum 10 buah rumah/peserta bagi sesebuah kampung dan mempunyai aktiviti setempat yang boleh ditawarkan kepada pelancong serta pelancong perlu tinggal bersama dengan tuan rumah. Sehubungan itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa memantau dan berusaha untuk mempromosikan program Homestay ini supaya kekal relevan dan memberikan sumbangan ke atas peningkatan ekonomi masyarakat luar bandar.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sedang merangka untuk mewujudkan program *City Stay* bagi warga bandar yang mempunyai rumah persendirian terutamanya di dalam bandaraya warisan sepertimana pelaksanaan program homestay di luar bandar. Namun, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia juga tidak menyediakan bantuan kewangan kepada warga bandar yang ingin menjadikan rumah persendirian sebagai premis penginapan pelancongan, begitu juga tiada bantuan kewangan kepada peserta homestay individu di luar bandar yang mengikuti program homestay ini. Buat masa ini, jenis bantuan yang diberikan kepada pengusaha homestay yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan adalah bersifat gunasama seperti pembangunan dewan orang ramai untuk aktiviti homestay, pembangunan landskap dan lain-lain infrastruktur yang berkaitan dengan aktiviti homestay.

Sekian, terima kasih.